

## **Agong rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parliment ke-14 hari ini**

Bernama  
Februari 28, 2022



Sidang Dewan Rakyat kali ini akan berlangsung selama 16 hari sehingga 24 Mac. - Foto fail

**KUALA LUMPUR:** Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parliment ke-14 bakal membuka tirainya hari ini dengan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Dewan Rakyat.

Dewan Rakyat yang kembali bersidang selepas melabuhkan tirai pada 20 Dis lepas merupakan sidang kedua di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sidang Dewan Rakyat hari ini akan tertumpu kepada Titah Diraja Al-Sultan Abdullah dan berdasarkan takwim mesyuarat Dewan Rakyat, persidangan kali ini akan berlangsung selama 16 hari sehingga 24 Mac.

Sementara itu, Mesyuarat Dewan Negara yang dirasmikan serentak dengan Dewan Rakyat hari ini akan berlangsung selama sembilan hari bermula 21 Mac.

Bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di bangunan Parliment, Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Azhar Azizan Harun sebelum ini memaklumkan prosedur operasi standard (SOP) bagi persidangan Parliment kekal seperti sebelum ini.

Antaranya, Ahli Parliment dan petugas perlu menjalani ujian saringan tindak balas rantai polimerase masa nyata (RT-PCR) tiga hari sebelum persidangan berlangsung serta penghadang lut sinar terus dipasang di tempat Ahli Parliment sebagai langkah menetapkan penjarakan fizikal.

Selain itu, Azhar pada Sabtu (26 Feb) memaklumkan 146 kes positif dikesan hasil ujian saringan RT-PCR yang dijalankan dua hari bermula Khamis (24 Feb) di bangunan Parliment melibatkan 1,474 individu terdiri daripada Ahli Parliment, petugas dan wakil media.

-- BERNAMA